

D.R. 19/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan
Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dengan kuasa daripadanya,
seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998, Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Akta.Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dalam takrif "perkhidmatan kewangan luar pesisir" dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan koma bertitik dan dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 545.

Akta 565. "(d) suatu perkongsian terhadap luar pesisir yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997;

- Akta 579.
- (e) suatu kumpulan wang yang ditubuhkan atau seorang pengurus kumpulan wang yang dilesenkan atau seorang pentadbir kumpulan wang yang didaftarkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998;
 - (f) mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam *Warta*, atas syor Lembaga."

Pindaan
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Lembaga boleh, dengan kelulusan bertulis Menteri, menubuhkan atau mengambil bahagian dalam mana-mana pertubuhan perbadanan—

- (a) bagi maksud menggalakkan penyelidikan dan latihan berhubung dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir;
- (b) bagi maksud meningkatkan pembangunan perkhidmatan kewangan luar pesisir; atau
- (c) jika penubuhan atau pengambilbahagian itu suai-manfaat atau semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi Lembaga yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(5) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubung dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, apabila Lembaga berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud melaksanakan objektif Lembaga, Lembaga boleh mengeluarkan arahan kepada sesuatu institusi kewangan luar pesisir berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) dasar yang perlu diikuti oleh institusi kewangan luar pesisir itu berhubung dengan perjalanan perniagaan institusi itu di Labuan;

- (b) pengawasan dan pengawalseliaan institusi kewangan luar pesisir itu menurut undang-undang yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir;
- (c) dasar kewangan yang hendaklah dilaksanakan oleh institusi kewangan luar pesisir itu.

(6) Mana-mana institusi kewangan luar pesisir yang tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) dalam hal seseorang orang individu—
 - (i) didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit; dan
 - (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi dua ribu lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (b) dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan atau perkongsian—
 - (i) didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; dan
 - (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan."

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

Seksyen baru
18A.

“Penubuhan tabung kebajikan kakitangan. 18A. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan bertulis Menteri, dengan menggunakan wang Lembaga, menubuhkan dan menyenggara suatu akaun amanah yang dikenali sebagai "Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan" bagi faedah pegawai dan pekerjanya termasuk tanggungan mereka.

(2) Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan hendaklah digunakan bagi maksud yang sesuai dengan kebajikan pegawai dan pekerja Lembaga, termasuk tanggungan mereka, sebagaimana yang dari semasa ke semasa diperuntukkan dalam arahan-arahan amanah yang dikeluarkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri, dan arahan-arahan tersebut boleh memperuntukkan cara dan tatacara bagi pembuatan pemberian, pinjaman atau bayaran lain daripada Tabung itu."

Bahagian
baru 11A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IIA

PENYERAHAN DAN PEMELIHARAAN MAKLUMAT

Tafsiran
berhubung
dengan
Bahagian 11A. 28A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agensi penguat kuasa undang-undang tempatan" ertinya Polis Diraja Malaysia seperti yang ditafsirkan dalam Akta Polis 1967;

Akta 443. "bank luar pesisir berlesen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990;

"institusi kewangan" ertinya sesuatu bank luar pesisir berlesen, pemegang lesen, syarikat amanah atau pengurus kumpulan wang;

"kemudahan kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990;

"kesalahan jenayah" ertinya mana-mana kesalahan di bawah—

(a) mana-mana undang-undang dalam Malaysia yang berhubungan dengan

perkhidmatan kewangan luar pesisir, jika kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan;

- Akta 574.* (b) Kanun Keseksaan;
- Akta 234.* (c) Akta Dadah Berbahaya 1952;
- Akta 340.* (d) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988; atau
- Akta 365.* (e) Akta Penculikan 1961;

Akta 444. "pemegang lesen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Insurans Luar Pesisir 1990;

Akta 579. "pengurus kumpulan wang" ertinya seseorang pengurus seperti yang ditafsirkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998;

"penyimpan" ertinya mana-mana orang yang telah meletakkan simpanan atau menyimpan sejumlah wang dalam bank luar pesisir berlesen;

"pihak berkuasa" ertinya mana-mana pihak berkuasa yang terletak di dalam atau di luar Malaysia;

Akta 443. "pihak berkuasa kewangan negara asal" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990, dan termasuk Bank;

"pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan" ertinya mana-mana badan atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk mengawal selia seseorang pemegang lesen dalam mana-mana negara;

Akta 442. "syarikat amanah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Amanah Labuan 1990.

Penyerahan
maklumat.

28B. (1) Lembaga boleh, dalam menjalankan fungsi pengawasannya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, menghendaki mana-mana institusi kewangan atau mana-mana perbadanan yang ada kaitan dengan mana-mana institusi kewangan supaya menyerahkan kepada Lembaga apa-apa maklumat yang disifatkan oleh Lembaga perlu atau suaimanfaat bagi pelaksanaan fungsi pengawasan itu, tetapi Lembaga tidak boleh menghendaki apa-apa maklumat yang mendedahkan hal ehwal, identiti atau akaun seseorang pelanggan mana-mana institusi atau perbadanan sedemikian.

(2) Lembaga boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang diserahkan di bawah subseksyen (1)-

- (a) kepada mana-mana orang dalam cara digabungkan atau dikumpulkan sekiranya difikirkannya patut untuk berbuat demikian tetapi pendedahan itu hendaklah terbatas kepada mana-mana maklumat yang tidak berkaitan dengan sesuatu institusi individu; atau
- (b) kepada pihak berkuasa kewangan negara asal institusi itu, dan pendedahan itu boleh merangkumi mana-mana maklumat yang berkaitan dengan sesuatu institusi individu di bawah pengawasan pihak berkuasa kewangan negara asal itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) dan (2) boleh ditafsirkan sebagai menghalang Lembaga menjalankan kuasanya untuk menghendaki penyerahan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan identiti atau butir-butir mana-mana orang yang telah memperoleh apa-apa kemudahan kredit daripada sesuatu bank luar pesisir yang berlesen, jika Lembaga berpuas

hati bahawa maklumat itu perlu untuk atau bersampingan dengan fungsi pengawasannya, dan Lembaga boleh mendedahkan kesemua atau sebahagian daripada maklumat itu—

- (a) kepada pihak berkuasa kewangan negara asal bank itu jika Lembaga berpuas hati bahawa mana-mana maklumat itu perlu untuk dan bersampingan dengan fungsi pengawasan pihak berkuasa kewangan negara asal itu dan pihak berkuasa kewangan negara asal itu mempunyai peruntukan kerahsiaan dalam dokumen konstituennya untuk melindungi mana-mana maklumat yang dibekalkan itu daripada apa-apa pendedahan yang tidak sah di sisi undang-undang; atau
- (b) kepada agensi penguat kuasa undang-undang tempatan jika Lembaga berpuas hati, berdasarkan pada keterangan yang tersedia kepada Lembaga, bahawa fraud atau kesalahan jenayah telah atau mungkin akan dilakukan.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan (3), jika Lembaga berpuas hati, berdasarkan pada keterangan yang tersedia kepada Lembaga bahawa fraud atau kesalahan jenayah telah atau mungkin akan dilakukan, Lembaga boleh menghendaki penyerahan mana-mana maklumat yang berhubungan dengan—

- (a) hal ehwal, identiti atau akaun mana-mana penyimpan tertentu mana-mana bank luar pesisir yang berlesen;
- (b) hal ehwal, identiti atau akaun mana-mana pemunya polisi seseorang pemegang lesen;
- (c) hal ehwal, akaun, urusan atau butir-butir pelanggan atau mana-mana orang yang

terlibat dengan pemunyaan atau pengurusan, atau urusan dengan, suatu syarikat amanah; atau

- (d) hal ehwal, identiti atau akaun mana-mana pelanggan tertentu seseorang pengurus kumpulan wang atau penyumbang kepada kumpulan wang yang ditadbirkan atau diuruskan oleh pengurus kumpulan wang itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3), jika Lembaga berpuas hati, berdasarkan pada keterangan yang tersedia kepada Lembaga, bahawa fraud atau kesalahan jenayah telah atau mungkin akan dilakukan, Lembaga boleh memberikan maklumat tentang pelakuan itu atau menyampaikan mana-mana atau kesemua maklumat berhubung dengan pelakuan itu—

- (a) dalam hal maklumat yang diberikan di bawah perenggan (4)(a), kepada pihak berkuasa kewangan negara asal atau agensi penguat kuasa undang-undang tempatan;
- (b) dalam hal maklumat yang diberikan di bawah perenggan (4)(b), kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan atau agensi penguat kuasa undang-undang tempatan; atau
- (c) dalam hal maklumat yang diberikan di bawah perenggan (4)(c) atau (4)(d), kepada agensi penguat kuasa undang-undang tempatan.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (3), (4) dan (5), mana-mana maklumat yang diperolehi oleh Lembaga di bawah subseksyen (1), (3) dan (4) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini hendaklah menjadi satu rahsia antara Lembaga dengan orang yang membekalkannya, dan tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat

atau dokumen yang pada pengetahuannya telah didedahkan dengan melanggar subseksyen ini boleh dengan apa-apa cara mendedahkan maklumat atau dokumen itu kepada orang lain.

(7) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Lembaga boleh menerima apa-apa maklumat daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa dalam masa menjalankan mana-mana kuasa atau kewajipan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir.

(8) Bagi maksud Bahagian ini, tiada tindakan, guaman atau pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap mana-mana orang kerana dia mematuhi mana-mana peruntukan Bahagian ini.

(9) Bahagian ini hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sepenuhnya, walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras atau berlawanan dengannya dalam Akta ini atau dalam mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir.

(10) Mana-mana institusi kewangan luar pesisir yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) dalam hal seseorang orang individu didenda tidak melebihi satu juta lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dalam hal suatu pertubuhan.perbadanan atau perkongsian didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

(11) Mana-mana orang yang tidak merahsiakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.

Pemeriksaan.

28c. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga boleh memeriksa dan menyiasat, tertakluk kepada syarat kerahsiaan, mana-mana institusi kewangan atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana institusi kewangan bagi maksud menentusahkan maklumat yang diserahkan di bawah subseksyen 28B(1), (3) dan (4).

(2) Jika terdapat percanggahan antara peruntukan seksyen ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, peruntukan seksyen ini hendaklah mengatasi.

Pelantikan pegawai penyiasat, kuasa, fungsi dan kewajipan.

28D. (1) Bagi maksud menjalankan penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, Lembaga boleh melantik, melalui surat cara bertulis, mana-mana pegawai atau pekerja Lembaga atau mana-mana orang lain yang sesuai untuk menjadi pegawai penyiasat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai semua kuasa, fungsi dan kewajipan yang

*Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar*¹¹
Pesisir Labuan (Pindaan)

diberikan kepada seorang pegawai penyiasat di bawah Akta ini, dan jika pegawai penyiasat itu bukan pegawai atau pekerja Lembaga, dia hendaklah, berhubungan dengan kuasa, fungsi dan kewajipan itu—

- (a) tertakluk kepada; dan
- (b) menikmati apa-apa hak, keistimewaan, perlindungan, kekebalan dan jaminan tanggung rugi seperti yang ditetapkan dalam,

peruntukan-peruntukan Akta ini atau undang-undang bertulis lain yang terpakai bagi seseorang pegawai atau pekerja Lembaga.

(3) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga dan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai lain Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak bagi pihak Lembaga, dan mana-mana pegawai atau pegawai-pegawai penyiasat lain yang lebih tinggi pangkatnya daripada dia, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya yang disebut dalam subseksyen (2) dengan mematuhi mana-mana perintah, arahan, syarat, batasan atau had yang dinyatakan oleh Lembaga atau Ketua Pengarah, atau pegawai Lembaga yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga, atau seorang pegawai penyiasat yang lebih tinggi pangkatnya daripada dia, secara lisan atau bertulis, sama ada secara am, atau dalam hal atau keadaan yang tertentu.

(4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa, fungsi dan kewajipan pegawai penyiasat.

(5) Seorang pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan di bawah Bahagian ini hendaklah mempunyai kuasa untuk

mengendalikan sumpah atau ikrar terhadap orang yang disiasat.

(6) Mana-mana orang yang menghalang mana-mana pegawai penyiasat daripada menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

Pindaan
seksyen 29.

6. Subseksyen 29(2) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (d)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah" perkataan "Akta ini atau"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "undang-undang" perkataan "lain yang"; dan

(b) dalam perenggan (e)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah" perkataan "Akta ini atau"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "undang-undang" perkataan "lain yang".

Seksyen baru
32A.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 32 seksyen yang berikut:

"Kuasa
untuk
mengena-
kan dan
memungut
fi.

32A. Walau apa pun mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengenakan dan memungut apa-apa fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh atau bagi pihak Lembaga di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir dan bagi pemberian atau pengeluaran

apa-apa lesen, permit, pendaftaran, kelulusan atau pengecualian yang boleh dibenarkan atau dikeluarkan oleh Lembaga di bawah mana-mana undang-undang."

8. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "oleh Lembaga," perkataan "mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga di bawah Akta ini".

Pindaan seksyen 36.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 36A, 36e dan 36c.

“Lembaga melantik pegawai atau pekerja untuk hadir dalam mahkamah bagi pihak Lembaga.

36A. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

(a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga; atau

(b) dalam mana-mana prosiding sivil lain yang Lembaga dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana ahli, pegawai atau pekerja Lembaga yang telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu, boleh, bagi pihak Lembaga, memulakan prosiding sedemikian atau hadir sebagai peguambela dalamnya dan boleh membuat dan melakukan semua tindakan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga.

Akta 166.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini, Lembaga boleh melantik peguambela dan peguamcara bagi maksud yang diperuntukkan dalam subseksyen (1).

Peng-
kompaunan
kesalahan.

36B. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya, dalam sesuatu kes jika dia berfikir sesuai dan layak berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah, dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

(2), Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

Tanggung-
pengarah,
pegawai,
pengawal,
dsb.

36c. Jika mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh mana-mana institusi kewangan luar pesisir, mana-mana orang yang pada masa pelaksanaan kesalahan itu adalah seorang pengarah, pegawai, atau pengawal, dalam institusi kewangan luar pesisir itu atau berupa sebagai bertindak dalam

mana-mana sifat sedemikian, atau telah dengan apa-apa cara sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan mana-mana hal ehwal institusi kewangan luar pesisir itu, atau telah membantu dalam pengurusan sedemikian adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, dengan memberikan perhatian kepada jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 ("Akta 545")-

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta dengan memperluas takrif "perkhidmatan kewangan luar pesisir". Pindaan itu perlu untuk memastikan bahawa undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen selepas Akta 545 termasuk dalam ruang lingkup takrif itu.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta—
 - (a) dengan memasukkan subseksyen baru (4) untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan dan mengambil bahagian dalam mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud menggalakkan penyelidikan dan latihan dan meningkatkan pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa; dan
 - (b) dengan memasukkan subseksyen baru (5) untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mengeluarkan arahan, khasnya kepada institusi bank dan insurans luar pesisir, berhubung dengan dasar yang perlu diikuti, cara untuk menjalankan perniagaan, amalan berhemat yang hendaklah diikuti, dan mana-mana perkara lain yang berhubungan dengan pengawasan dan pengawalseliaan bank luar pesisir,

pengurusan kumpulan wang, industri insurans dan aktiviti kewangan luar pesisir lain yang dibenarkan atau dikawal selia.

5 *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta dengan memasukkan seksyen baru 18A yang memberikan kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri Kewangan, untuk menubuhkan dan menyenggara suatu "Tabung Kebajikan Kakitangan" dengan menggunakan wang Lembaga bagi faedah ahli, kakitangannya dan juga tanggungan mereka.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru 11A ke dalam Akta. Bahagian baru yang dicadangkan mengandungi seksyen 28A, 28B, 28C dan 28D. Pindaan tersebut akan memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mengumpul dan menerima apa-apa maklumat daripada peserta luar pesisir atau mana-mana orang lain. Maklumat yang diperolehi oleh Lembaga itu akan menjadi rahsia antara Lembaga dengan orang yang membekalkannya dan mana-mana pendedahannya hanya boleh dibuat di bawah keadaan yang diperuntukkan dalam seksyen 28B. Pada masa yang sama, Lembaga diberi kuasa untuk melantik mana-mana pegawai Lembaga untuk memeriksa institusi kewangan luar pesisir dan melantik pegawai penyiasat sekiranya diperlukan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 32A, untuk memberikan kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri, mengenakan fi yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36A, 36B dan 36c. Seksyen 36A yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk melantik mana-mana pegawai atau pekerja Lembaga yang berkecualan untuk hadir dalam mahkamah bagi pihak Lembaga dalam prosiding sivil. Seksyen 36B yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah, tertakluk kepada persetujuan Pendakwa Raya untuk mengkompaunkan kesalahan di bawah Akta 545. Seksyen 36c yang dicadangkan memperkatakan tanggungan pengarah, pegawai dan pengawal mana-mana institusi kewangan luar pesisir jika institusi tersebut disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta 545.

9. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2079.]